

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT - PAS]**

SOALAN NO.64

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan statistik lengkap penglibatan dan kejayaan beliawanis dalam pembangunan usahawan, profesional dan perbincangan TN50.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah diberikan mandat untuk mendapatkan dan mengumpul aspirasi golongan belia dalam penyediaan Laporan Akhir Belia yang mana akan menjadi sebahagian daripada Laporan Akhir TN50 yang dijadual diterbitkan pada tahun 2018.
2. Bagi memastikan perbincangan TN50 dalam sektor pembangunan usahawan, Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan Dialog TN50 bersama Young Corporate Malaysia (YCM), Dialog TN50 Teraju bersama Usahawan Muda dan Dialog TN50 Malaysia Women's Innovation Academy (MyWIN) bersama usahawan wanita bagi mendapatkan aspirasi-aspirasi daripada belia profesional dan usahawan belia berkenaan hala tuju tahun 2050 yang diimpikan mereka. Seramai **702 beliawanis** telah terlibat dalam ketiga-tiga dialog yang telah dianjurkan ini.

Sekian, terima kasih.